

**Peminat Semarak Semangat Harimau Malaya Untuk Menang - Najib
Bernama
2 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata peminat pasukan Harimau Malaya telah menaikkan semangat pasukan itu hingga membantu mereka memenangi perlawanan yang begitu genting menentang Indonesia.

Perdana Menteri yang cukup gembira dengan kemenangannya itu mengucapkan tahniah kepada pasukan kebangsaan dan juga peminat dalam tweetnya.

"Kita ke separuh akhir! Syabas #HarimauMalaya. Penyokong cukup menyemarakkan semangat! Kita 1Malaysia perlu teruskan sokongan," kata beliau.

Dengan kemenangan 2-0 itu dalam perlawanan di Stadium Nasional Bukit Jalil Sabtu malam, pasukan kebangsaan kini layak ke separuh akhir kejohanan Piala Suzuki AFF.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713293>